

Tahap Pengetahuan Rakyat Malaysia Terhadap Asas Agama-agama Dominan di Malaysia: Kajian Lapangan di Negeri Kedah dan Selangor

Muhammad Nazmi Abd Halim
Jaffary Awang
Muhammad Helmy bin Abdul Gapar

Malaysia merupakan sebuah negara yang memiliki entiti masyarakat bersifat pluralistik. Ia terdiri daripada kalangan masyarakat majmuk yang hidup bersama dengan kewujudan kepelbagaian agama dan kaum sejak sebelum kemerdekaan dicapai pada tahun 1957. Namun, spekulasinya adakah kebersamaan pelbagai komuniti kini yang mewarisi anutan bermacam ragam agama memiliki kadar pengetahuan yang baik serta memahami tentang asas agama-agama dominan di Malaysia. Oleh itu, kajian lapangan ini dilaksanakan bertujuan melakukan analisis terhadap sejauh manakah tahap pengetahuan masyarakat lokal terhadap agama-agama dominan di Malaysia khususnya di Negeri Kedah dan Selangor. Maka, kajian kuantitatif ini melibatkan seramai 555 responden yang dipilih berdasarkan faktor agama dominan melibatkan penganut daripada agama Islam mewakili komuniti Muslim serta Buddha, Hindu dan Kristian yang mewakili komuniti Non-Muslim. Manakala, statistik deskriptif seperti frekuensi, peratusan, min dan ujian statistik seperti Mann Whitney-U dan Kruskal Wallis-H digunakan bagi menerangkan latar belakang responden dan menilai tahap pengetahuan responden terhadap usul kajian yang dilakukan. Seterusnya, hasil kajian mendapati tahap pengetahuan kalangan komuniti Muslim dan Non Muslim berada pada kadar tinggi meskipun terdapat perbezaan yang signifikan pada kadar Mann Whitney-U: ($Z -2.548, p = .011$). Sementara itu, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara komposisi etnik dan negeri yang terlibat dengan masing-masing mencatatkan kadar Kruskal Wallis-H: [$\chi^2 (1, N=555) = 6.146, p=.105$] dan [$\chi^2 (1, N=555) = 0.907, p=.341$]. Kajian ini secara tidak langsung telah menyumbang kepada bidang ilmu kerana penggunaan metodologi berbentuk kuantitatif berbeza dengan kebanyakan ujian sebelum ini secara kualitatif serta menghasilkan instrumen soal selidik untuk kajian selanjutnya. Analisis berdasarkan hasil kumpulan data soal selidik yang dianalisis melalui program SPSS daripada Kajian Isu Agama dan Hubungan Antara Muslim dan Non-Muslim: Kajian Lapangan di Negeri Kedah dan Selangor yang telah dijalankan pada tahun 2013-2015.

Kata kunci: tahap pengetahuan, agama-agama dominan, multi-agama dan sosiologi agama

Pendahuluan

"He who learns but does not think is lost

He who thinks but does not learn is in great danger"

-Analects 2:15 (Nigosian, S.A. 2008: 1).

Frasa tersebut menjelaskan bahawa betapa pembelajaran adalah penting sebelum melakukan taakulan atau berfikir mengenai sesuatu perkara kerana ia boleh memberi kesan negatif kepada diri, keluarga, masyarakat, agama dan negara. Sementara itu, al-Qur'an pula menegaskan berkenaan kenal mengenal antara satu sama yang lain dalam Surah al-Hujurat: ayat 13 yang bermaksud:

"Wahai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan, dan Kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal antara satu sama lain".


Oleh yang demikian, jelas menunjukkan bahawa manusia diciptakan daripada pelbagai bangsa dan ras di mana semestinya terdapat perbezaan sama ada ketara atau tidak dikalangan mereka. Akan tetapi, sekiranya mereka cuba membelajari dan mengenali antara satu sama lain, maka tidak mustahil akan terjalin interaksi yang harmoni dikalangan mereka dalam semua aspek kehidupan serta dapat mengelak daripada sebarang mara bahaya akibat kejahilan dan prasangka menguasai minda dan sikap masyarakat.

Seterusnya, kajian lapangan yang dijana oleh penyelidik dalam penulisan ilmiah ini adalah berkenaan aspek keagamaan yang dilihat dari sudut perspektif sosiologi. Sosiologi agama merupakan salah satu cabang ilmu yang membincangkan anataranya tentang penulisan teks, pola sikap, pandangan individu mengenai hal-hal keagamaan dengan menggunakan alat-alat kajian mengikut piawai ilmu sosiologi dan lain-lain (Murray, Jane Lothian et. al 2008: 368-369). Sementara itu, fokus kajian ini melibatkan penyertaan seramai 555 responden yang terdiri daripada dua kelompok komuniti berbeza anutan dan kepercayaan yang terdiri daripada pelbagai kaum dalam Negeri Kedah dan Selangor dalam mendapatkan natijah minda responden terhadap pengetahuan mengenai asas-asas agama dominan di Malaysia.

Permasalahan Kajian: Corak Hubungan Etnik (Agama) di Malaysia Kini

Malaysia merupakan sebuah negara bangsa merdeka yang memiliki komposisi masyarakat majmuk yang terdiri daripada berbilang agama, bangsa, bahasa, budaya dan adat resam. Kemajmukan ini merupakan cabaran utama dalam mencapai misi menjayakan pembangunan negara ke arah pencapaian status negara maju menjelang tahun 2020 (Osman Bakar. 2006: 3).

Dalam konteks perlembagaan di Malaysia, Perlembagaan Persekutuan diiktiraf sebagai undang-undang tertinggi yang luhur di negara ini yang memartabatkan Islam sebagai agama rasmi negara (Fasal 1, Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan): "*Islam adalah agama bagi Persekutuan*" atau dalam teks asalnya "*Islam is the religion of the Federation*". Walaupun perlembagaan telah mengisytiharkan agama Islam sebagai agama rasmi negara, namun agama-agama lain seperti Buddha, Hindu, Kristian dan Sikh dibenarkan untuk diamalkan oleh para penganutnya. Lebih menarik, agama juga dilihat mempunyai perkaitan yang rapat dengan pengenalan sesuatu kaum. Di mana kaum majoriti di Malaysia iaitu Melayu beragama Islam, diikuti kaum Cina beragama Buddha, Kristian, Konfucius dan Taoisme serta kaum India yang beragama Hindu dan lain-lain. Kepelbagaian komposisi penduduk berasaskan agama dapat kita lihat pada rajah berikut:



Rajah 1: Taburan Penduduk Malaysia Mengikut Agama di Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia 2010¹

Menurut Shamsul Amri Baharuddin (2007: 4-5) hubungan etnik merupakan satu ciri penting yang mencorakkan sistem sosial Malaysia dan seterusnya mewarnai kehidupan harian semua rakyat Malaysia. Cuma, seluas dan sedalam manakah pengetahuan setiap rakyat Malaysia mengenai dinamika yang menjadi landasan proses hubungan etnik tersebut iaitu pengetahuan yang melewati pandangan kasar dan pendapat popular? Hal ini masih diragui kerana kita tidak pernah mengkaji atau mencipta indeks untuk mengukur paras kefahaman tersebut. Kalau ada pun ia masih dalam aspek percubaan dan belum

¹http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=1215&lang=bm.
<http://jkob.cseap.edu.my/index.php/journal/full/edisi-khas-2-5.pdf>

diaplikasikan. Tambahan pula, bagi mengukur erat longgarnya perpaduan etnik di Malaysia bukanlah satu tugas yang mudah berbanding dengan menilai kepesatan pertumbuhan ekonomi negara. Sesungguhnya kita mampu menjelaskan bagaimana kita membina asas ekonomi yang kukuh dan berjaya menempatkan kedudukan ekonomi pada tahap yang dihormati oleh seluruh dunia. Sebaliknya, petunjuk dalam bidang hubungan etnik masih memerlukan suatu pendekatan yang mudah difahami, mantap, realistik untuk menghuraikan kejayaan Malaysia secara umum dalam mengekalkan keharmonian antara kaum.

Walaupun kita menghadapi kesukaran dalam mengukur tahap perpaduan nasional, namun kebanyakan negara luar seluruh dunia masih berpandangan bahawa Malaysia merupakan sebuah negara yang berjaya mewujudkan hubungan etnik yang harmonis. Bahkan tidak keterlaluan untuk dikatakan bahawa salah satu sebab pemilihan Malaysia beberapa tahun lalu sebagai Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) mempunyai kesinambungan secara langsung dengan prestasi baik negara dalam aspek ekonomi dan kestabilan politik yang terbina melalui acuan hubungan etnik yang harmonis (Shamsul Amri Baharuddin. 2007: 5).

Chandra Muzaffar (2011: 1-2) pula menyatakan bahawa kebanyakan masyarakat yang tinggal menetap di benua Asia begitu mementingkan peranan dan pengaruh agama dalam kehidupan seharian mereka. Contohnya, di Thailand dan Myanmar sinonim dengan agama Buddha sementara Malaysia dan Brunei dengan Islam. Tambahnya pula, terdapat empat dimensi yang menguatkan hujah beliau tersebut iaitu agama memberi erti identiti kepada kebanyakan masyarakat, agama sebagai simbol masyarakat, sumber moral atau akhlak, dan kepercayaan atau keimanan kepada Tuhan sebagai Pencipta Mutlak dalam realiti kewujudan sebenar. Hal ini menjadikan bahawa hal berkaitan agama turut mencorakkan sistem sosial di Malaysia yang mana menjadikan Islam sebagai agama rasmi disamping keberadaan agama-agama lain yang dianuti seperti Buddha, Hindu, Kristian, dan lain-lain.

Walaupun dikatakan bahawa kepelbagaian agama bukan merupakan satu masalah tetapi merupakan satu cabaran untuk kita hidup saling memahami, bertoleransi dan menjadi alat yang penting dalam memupuk perpaduan. Selain itu, kelihatan bahawa kemajmukan belum mencetuskan konflik namun pada masa dan keadaan tertentu ia mencuit sensitiviti penganut agama tertentu. Misalnya, isu murtad, penukaran agama, industri makanan, pembinaan tempat ibadah, dasar-dasar kerajaan seperti Dasar Islamisasi dan Islam Hadhari dan lain-lain isu sering menjadi perdebatan, kecurigaan dan prejudis sebahagian masyarakat beragama di negara ini (Abdul Halim Ramli. 2009: 319). Menurut Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi, sensitiviti setiap bangsa terhadap agama masing-masing juga boleh menyebabkan

sebarang percakapan atau tindakan yang dilihat tidak kena, menghina, dan tidak betul boleh menimbulkan perasaan tidak senang, marah dan pelbagai lagi. Kadang kala perkara yang pada pandangan agama lain dianggap remeh, tetapi pada pandangan orang Islam perkara tersebut adalah besar erti dan maknanya (Berita Harian. 7 November 2007). Oleh itu, setiap penganut agama mestilah dapat memahami dan mempelajari agama lain bagi mengelakkan perkara-perkara tersebut berlaku.

Sebagaimana yang diketahui umum bahawa peristiwa 13 Mei 1969 telah memberi beberapa pengajaran penting kepada ahli politik dan setiap rakyat Malaysia. Menurut Ranjit Singh Malhi (2005), beliau memberikan empat perkara menyentuh kesan peristiwa tersebut iaitu rusuhan kaum tidak menguntungkan sesiapa malahan merugikan semua pihak dengan kehilangan nyawa dan kerosakan harta benda. Kedua, keperluan terhadap langkah-langkah yang kukuh diambil dan dilaksanakan dalam usaha mengeratkan kembali perpaduan nasional dan keharmonian antara kaum. Ketiga, kadar jurang pendapatan yang ketara antara komuniti masyarakat perlu diselesaikan seandainya mahu perpaduan bergerak dengan lancar seiring dengan ekonomi yang mapan dan saksama. Keempat, setiap rakyat harus menghormati satu sama lain tanpa mengira status seseorang atau kumpulan serta harus memupuk sikap toleran dan menghormati adat resam kumpulan-kumpulan etnik lain (Shamsul Amri Baharuddin. 2007: 2).

Berdasarkan hujah-hujah di atas, beberapa langkah dalam membentuk satu bangsa Malaysia yang bersatu padu perlu diusahakan dalam menterjemahkan hasrat tersebut sebagai realiti kini dan masa depan. Antaranya, penekanan aspek terhadap memupuk minat dan minda pengetahuan warganegara mengenai asas-asas agama yang terdapat di Malaysia dijadikan sebagai salah satu keperluan untuk mengenali dan mengetahui tentang asas-asas agama lain perlu dipandang serius oleh segenap masyarakat tanpa mengambil kira peringkat, usia dan agama. Hal ini kerana signifikansi memahami tentang agama-agama lain mampu mendidik kita daripada mudah untuk menyatijahkan pra-tanggapan yang berbau perbandingan negatif, bias, prejudis dan lain-lain (Nigosian, S.A. 2008: 1). Selaras dengan misi utama yang dilaungkan oleh Jabatan Perpaduan Nasional dan Integrasi Nasional (JPNIN) iaitu memupuk kesefahaman dan semangat muhibah melalui jaringan dan interaksi nasional ke arah pembentukan bangsa Malaysia yang bersatu padu dan beridentiti nasional selaras dengan dasar kerajaan yang berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara (JPNINM, 12 April 2005). Manakala, kepentingan terhadap pengukuran tahap pengetahuan adalah bermotifkan untuk memastikan stabiliti dan pengukuhan perpaduan nasional pada taraf yang lebih berkualiti dan sejahtera di kalangan minda dan sikap

masyarakat Malaysia terhadap toleransi beragama dalam memupuk sikap hormat-menghormati setiap institusi agama yang wujud bersama di samping agama yang mereka anuti masing-masing.

Objektif Kajian

- i. Menghuraikan data secara deskriptif mengenai tahap pengetahuan responden mengenai asas-asas agama dominan di Malaysia.
- ii. Menganalisis data statistik dan perbandingan antara Muslim dan Non Muslim mengenai tahap pengetahuan mengenai asas-asas agama dominan di Malaysia.
- iii. Menganalisis perbandingan antara kaum dan negeri yang terlibat mengenai tahap pengetahuan agama-agama dominan di Malaysia.

Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk kajian deskriptif dan statistik inferensi (ujian bukan parametrik) mengenai pengetahuan di kalangan masyarakat berbilang agama di Malaysia. Maka, satu set soal selidik disediakan bagi tujuan tersebut yang dibina sendiri oleh pengkaji dalam mencapai objektif kajian. Menurut Sekaran, Uma (2003: 236), metode soal selidik merupakan kaedah yang paling sesuai dalam mengkaji hal-hal berkaitan pengukuran terhadap sesuatu perkara seperti pengetahuan, sikap, kefahaman, penglibatan dan sebagainya malah bersifat lebih praktikal dan berkesan dalam mengawal jumlah sampel kajian yang besar.

Populasi kajian merupakan kalangan masyarakat berdasarkan agama yang merangkumi empat agama sahaja iaitu Islam, Buddha, Hindu dan Kristian di dua buah negeri terpilih iaitu Kedah dan Selangor. Faktor kekangan waktu dan kewangan menjadi batu penghalang bagi penyelidik melakukan kajian yang lebih luas melibatkan keseluruhan negeri-negeri di Malaysia. Manakala, pemilihan bagi kedua-dua negeri tersebut diambil kira atas beberapa faktor seperti Selangor yang menjadi pusat tumpuan penempatan penduduk yang berlainan etnik dan agama dan jurang perbezaan antara komuniti Muslim dan Non Muslim tidak terlalu ketara pada kadar perbezaan 15.8% sahaja. Sementara, pemilihan negeri Kedah dibuat atas faktor perbezaan yang jelas ketara antara dua komuniti agama

tersebut iaitu pada kadar 56.2% selain faktor senario hubungan antara penganut agama serta isu-isu berbangkit menunjukkan perbezaan yang jelas bagi kedua-dua negeri tersebut. Maka, keadaan ini sangat signifikan dan realistik dalam mendapatkan maklumat daripada responden mengenai sesuatu isu khususnya yang melibatkan hal isu-isu hubungan etnik dalam konteks sosiologi agama.

Pemilihan sampel pula mengaplikasikan teknik persampelan probabiliti stratified rawak. Teknik ini digunakan atas dua kriteria utama iaitu jumlah peratusan populasi penduduk mengikut etnik dan status agama. Kaedah ini dipilih kerana corak pemilihan populasi sampel kajian adalah berdasarkan kuota di mana pengkaji boleh terlebih dahulu membuat anggaran pembahagian terlebih dahulu kadar jumlah nisbah yang bersesuaian mengikut kategori sampel kajian yang dipilih (Marsh, Ian 2000: 143). Tambahan pula, pemilihan teknik ini juga disebabkan pembahagian jumlah sampel adalah berdasarkan jumlah populasi sebenar penduduk bagi kedua-dua negeri yang dipecahkan mengikut kategori etnik dan agama yang mempunyai seramai 6,921,104 juta penduduk secara total setelah ditolak jumlah populasi penganut bukan agama dominan dan bukan warganegara kira-kira seramai 568,747 orang yang tidak dijadikan sasaran kajian ini. Sementara itu, penentuan jumlah bilangan responden dilakukan dengan merujuk kepada Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970).

Jadual 1: Jumlah Populasi Sebenar Penduduk Kedah dan Selangor (2010)

Hal/Agama	Islam	Buddha	Hindu	Kristian	Jumlah
1. Peratus	64.3%	22.1%	10.5%	3.1%	100%
2. Sampel	357	123	58	17	555
3. Purata	2.6	0.9	0.4	0.1	4

Berdasarkan jadual di atas, saiz sampel bagi kajian ini ialah 500 orang sahaja. Menurut Sidek Mohd Noah (2002), semakin besar saiz sampel semakin kecil ralat persampelan. Bagi memastikan setiap agama diwakili dalam jumlah nisbah yang bersesuaian dengan jumlah populasi sebenar, maka penyelidik meletakkan nisbah 55:20:15:10 dan seramai 555 orang responden disasarkan dalam kajian ini. Namun, setelah pengutipan data dilakukan, nisbah ini sedikit berubah kepada 54: 19: 16: 11 dan keadaan ini tidak menjejaskan tahap reliabiliti maklumat tersebut meleset daripada jangkauan kajian.

Instrumen kajian yang digunakan untuk tujuan pengumpulan data dalam kajian ini ialah satu set soal selidik. Soal selidik merupakan suatu kajian tinjauan yang merupakan metod yang sistematik dan satu bentuk kajian sosiologi yang paling terkenal kepada masyarakat umum dalam mendapatkan standard maklumat mengenai tinjauan pendapat terhadap sikap, tingkah laku atau karekter-karekter lain mengenai populasi kajian (Robertson, Ian. 1987: 38). Semua soalan yang dibentuk adalah menggunakan skala pengukuran aneka pilhan jawapan yang terbahagi kepada dua kaedah iaitu sama ada dua jawapan (betul dan salah) dan empat pilihan jawapan (pilih satu jawapan yang tepat) dalam mengukur tahap pengetahuan mereka mengenai asas-asas agama dominan. Soal selidik ini pada asasnya terbentuk daripada enam bahagian secara keseluruhan namun dalam penulisan ini hanya dua bahagian yang diambil iaitu Bahagian A (demografi responden) dan B (tahap pengetahuan) sahaja. Bahagian B merangkumi enam belas kod soalan yang dipecahkan kepada empat soalan bagi setiap seksyen yang mewakili setiap agama yang terdiri daripada agama Islam, Buddha, Hindu dan Kristian. Bentuk soalan pula berdasarkan empat kriteria terpilih seiring dengan kesesuaian pengetahuan asas bagi semua peringkat usia responden melibatkan asas pegangan keagamaan, ritual/ibadat, festival/perayaan dan etika/akhlak sebagaimana yang dapat dilihat pada jadual 4.

Berkenaan kesahan soal selidik, ianya telah disemak oleh dua orang pakar berkaitan hubungan etnik dan pembinaan soal selidik iaitu Prof. Dr. Zaid Ahmad dan Prof. Madya Dr. Ahmad Tarmizi Talib serta penyelia kajian yang juga merupakan seorang tenaga pengajar khusus dalam subjek perbandingan dan sosiologi agama iaitu Prof. Madya Dr. Jaffary Awang. Selain itu, kesahan juga dilakukan melalui beberapa orang kuat dalam organisasi agama masing-masing seperti ketua paderi dan Syeikh (ketua sektor pejabat agama Islam) dan lain-lain. Kebiasaannya, dalam mengukur tahap kebolehpercayaan dalam suatu penyelidikan, ujian Alpha Cronbach digunakan dalam mengukur ketekalan dalam instrumen dalam mengukur sesuatu konsep. Nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach adalah antara 0.0 hingga 1.0. Namun begitu, bahagian ini tidak dapat diukur dengan menggunakan ujian kerana ia tidak mempunyai sifat ujian yang mengandungi ciri-ciri yang dapat diukur oleh ujian ini seperti data yang dibentuk tidak menggunakan skala numerikal dalam menerangkan kadar pengetahuan responden (Ahmad Sunawari Long. 2009: 83) dan bukan prosedur yang standard seperti bentuk-bentuk soalan kajian yang lain disebabkan ia menjadi salah satu kaedah yang asing dalam dunia penyelidikan dalam mengukur tahap pengetahuan responden berkaitan agama.

Walau bagaimanapun, tinjauan rintis yang dilakukan terhadap 30 orang responden dalam mengenal pasti kelemahan dan kekurangan yang terdapat dalam soal selidik yang disediakan mendapati bahawa para responden tidak mempunyai masalah untuk memahami soalan sebagaimana yang dihendaki untuk dijawab oleh mereka. Sehubungan itu, bentuk soalan pada bahagian B ini terus diaplikasikan bersama dengan bahagian lain. Selanjutnya, data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for the Social Science*) versi 20 melalui min, sisihan piawai, *Chi Square* dan lain-lain.

Analisis Data dan Perbincangan Kajian

a. Latar Belakang Responden

Berikut merupakan jadual yang merangkumi latarbelakang responden kajian seperti berikut:

Faktor demografi		Kekerapan (n)	Peratus (%)
Negeri	Kedah	277	49.9
	Selangor	278	50.1
Etnik	Melayu	301	54.2
	Cina	125	22.5
	India	101	18.2
	Lain-lain	28	5.0
Jantina	Lelaki	243	43.8
	Perempuan	312	56.2
Umur	17-25	290	52.3
	26-40	183	33.0
	41-50	41	7.4
	51 dan ke atas	41	7.4

Agama	Islam	301	54.2
	Buddha	107	19.3
	Hindu	88	15.9
	Kristian	59	10.6
Tahap pendidikan tertinggi	Tidak bersekolah	8	1.4
	UPSR	2	0.4
	PMR/SRP/LCE/SRA	17	3.1
	SPM/MCE/SC/'O'LEVEL	115	20.7
	/SMA/SPVM		
	UEC	3	0.5
	STPM/STP/HSC/'A' LEVEL	49	8.8
	/I.B./STAM		
	Diploma/Sijil/Matrikulasi	136	24.5
	Ijazah	174	31.4
	Sarjana	44	7.9
	PhD	6	1.1
	Lain-lain	1	0.2

Jadual 2: Latar belakang responden kajian.

Berdasarkan kepada jadual atas, responden kajian terdiri dari masyarakat yang menetap di sekitar negeri Kedah (49.9%) dan Selangor (50.1%) di mana seramai 555 orang telah menjawab soal selidik. Selanjutnya, perbincangan latar belakang responden ini akan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu profil dan latarbelakang agama serta akademik. Pertama, bahagian profil adalah melibatkan etnik yang diwakili empat bangsa yang berlainan iaitu lebih daripada separuh responden merupakan etnik Melayu dengan jumlah seramai 301 orang (54.2%), diikuti etnik Cina seramai 125 orang (22.5%), etnik India seramai orang 101 (18.2%) dan etnik lain-lain seramai 28 orang (5.0%) sahaja. Seterusnya, jumlah responden

jantina perempuan lebih ramai yang mencatatkan jumlah seramai 312 orang (56.2%) berbanding lelaki iaitu seramai 243 orang (43.8%). Dari segi umur, ianya dipecahkan kepada empat peringkat dengan peringkat usia 17-25 paling aktif melibatkan diri dalam kajian ini iaitu seramai 290 orang (52.3%), dan diikuti oleh peringkat umur 26-40 seramai 183 orang (33%), dan bakinya peringkat umur 41-50, serta 51 dan ke atas dengan masing-masing merekodkan jumlah sama iaitu seramai 41 orang (7.4%) sahaja.

Bahagian kedua pula berkaitan dengan latarbelakang agama dan akademik responden. Berkenaan latar belakang agama bahawa kajian ini diwakili hanya empat komuniti agama sahaja atas faktor agama dominan dengan sebahagiannya diwakili oleh komuniti Islam seramai 301 orang (54.2%), Buddha seramai 107 orang (19.3%), Hindu seramai 88 orang (15.9%), dan Kristian seramai 59 orang (10.6%) sahaja. Sementara itu, latarbelakang akademik melibatkan banyak item dan ianya dibahagikan pula kepada tiga pecahan secara khusus iaitu tahap pendidikan rendah, pertengahan dan tinggi. Tahap pendidikan rendah yang diwakili item tidak bersekolah, lain-lain hingga PMR dan setarafnya mencatatkan jumlah terendah iaitu seramai 28 orang (5%) sahaja, diikuti dengan peringkat pertengahan yang diwakili oleh SPM hingga Diploma dan setarafnya mewakili jumlah terbesar responden iaitu seramai 303 orang (54.6%) serta peringkat akademik tertinggi bermula dari pengajian Ijazah hingga kedoktoran (PhD) mencapai jumlah kurang hampir 15% iaitu seramai 224 orang (40.4%).

b. Analisis Deskriptif

Tahap pengetahuan umum mengenai asas-asas agama dominan di Malaysia diukur dengan menggunakan 16 item dengan skala Likert yang mempunyai lima skala (sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju). Ukuran tahap pengetahuan umum mengenai asas-asas agama ini adalah berdasarkan kepada tahap pengetahuan responden mengenai empat asas agama yang disoalkan yang melibatkan agama Islam, Buddha, Hindu dan Kristian. Di mana setiap agama dibekalkan dengan empat soalan (kepercayaan/pegangan, ritual/amalan ibadat, perayaan/festival dan pantang larang) bagi setiap seksyen yang mewakili tiap agama. Berikut merupakan keputusan keseluruhan mengenai tahap pengetahuan responden mengenai asas-asas agama dominan:

Jadual 3: Tahap Pengetahuan Mengenai Asas-asas Agama Dominan

	(n=555)	Peratus (%)
Rendah (4 hingga 7)	2	0.3
Sederhana (8 hingga 12)	82	14.8
Tinggi (13 hingga 16)	471	84.9
Total	555	100.0
		Minimum: 5
		Maximum: 16


Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa tahap pengetahuan responden berada pada tahap yang tinggi dengan mencatatkan peratusan sebanyak 84.9% (n=471). Jika dibandingkan dengan tahap yang rendah bagi jarak langit dan bumi apabila merekodkan jumlah peratusan yang tersangat rendah iaitu hanya 0.3% (n=2) sahaja. Manakala, jumlah bakinya disumbangkan oleh tahap pengetahuan yang sederhana pada peratusan 14.8% (n=82). Berdasarkan jumlah peratusan tersebut, dapat dijelaskan bahawa tahap pengetahuan responden mengenai agama-agama lain adalah pada tahap yang sangat tinggi apabila kadar tahap sederhana dan rendah sekitar 1/4 sahaja.

Jadual 4: Kekerapan Tahap Pengetahuan Responden Mengenai Agama

	Pernyataan	Betul	Salah	Tahap
		f(%)	f(%)	
B1	"Allah itu Tuhan yang satu (Esa) dan Muhammad itu Nabi terakhir" merupakan kepercayaan asas dalam Islam	537(96.8)	18 (3.2)	Tinggi
B2	Orang Islam menjalani ibadah puasa dalam bulan _____	535(96.4)	20 (3.6)	Tinggi
B3	Orang Islam menyambut perayaan Aidil Fitri (Hari Raya Puasa) dan Aidil Adha (Hari Raya Haji/Korban)	544(98.0)	11 (2.0)	Tinggi
	Semua jenis makanan bersumberkan _____ adalah	532(95.9)	23 (4.1)	Tinggi

B4	haram bagi orang Islam			
B5	Brahma, Vishnu, dan Shiva merupakan Tuhan utama dalam agama Hindu	530(95.5)	25 (4.5)	Tinggi
B6	Matlamat utama amalan mandi minyak sempena perayaan Deepavali adalah _____	426(76.8)	12(23.2)	Tinggi
B7	Penganut Hindu menyambut perayaan Deepavali dan Thaipusam	546(98.4)	9 (1.6)	Tinggi
B8	Agama Hindu melarang penganutnya memakan _____ ketika berpuasa	509(91.7)	46 (8.3)	Tinggi
B9	Siddharta Gautama ialah pengasas agama Buddha	511(92.1)	44 (7.9)	Tinggi
B10	Antara berikut yang manakah merupakan amalan asas penganut agama Buddha	378(68.1)	177(31.9)	Sederhana
B11	Penganut agama Buddha menyambut perayaan Hari Wesak	485(87.4)	70(12.6)	Tinggi
B12	Berikut merupakan perkara yang dilarang terhadap penganut agama Buddha berdasarkan 10 perkara (<i>Ten Precepts</i>) yang diwasiatkan oleh Gautama Buddha, KECUALI:	377(67.9)	178(32.1)	Sederhana
B13	Ketuhanan bagi agama Kristian terdiri daripada God Father, Holy Son (<i>Jesus Christ</i>) dan Holy Spirit	526(94.8)	29 (5.2)	Tinggi
B14	Berikut merupakan satu amalan yang dilakukan oleh para penganut agama Kristian bagi bayi yang baru dilahirkan atau tukar agama (<i>convert</i>), iaitu:	338(60.9)	217(39.1)	Sederhana
B15	Penganut agama Kristian menyambut perayaan Hari Krismas (Hari Natal)	545(98.2)	10 (1.8)	Tinggi
		261(47.2)	294(52.8)	Rendah

B16	Berikut adalah perkara yang dilarang dalam agama Kristian sebagaimana yang terkandung dalam Perintah Sepuluh (<i>Ten Commandments Old Testament</i>) iaitu:			
-----	---	--	--	--



Rajah 1: Nilai kekerapan tahap pengetahuan responden

Berdasarkan jadual dan rajah di atas menunjukkan bahawa nilai kekerapan bagi tahap pengetahuan responden mengenai agama Islam (B1, B2, B3 dan B4) dan Hindu (B5, B6, B7 dan B8) adalah tinggi berbanding tahap pengetahuan terhadap agama Buddha (B9, B10, B11 dan B12) dan Kristian (B13, B14, B15 dan B16). Jika dinilai kepada kadar mod kekerapan bagi setiap soal yang dijawab dengan betul adalah tinggi bagi agama Islam dan Hindu apabila masing-masing mencatatkan jumlah sebanyak 96.8% dan 90.6%. Manakala kadar mod kekerapan lebih rendah bagi agama Buddha dan Kristian dengan jumlah 78.9% dan 75.3%. Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa tahap pengetahuan responden terhadap setiap agama yang terlibat adalah sangat positif kerana masing-masing mencatatkan kadar kekerapan yang tinggi secara purata meskipun masih terdapat beberapa soalan berada pada tahap sederhana dan rendah seperti soalan B10 (sederhana), B12 (sederhana), B14 (sederhana) dan B15 (rendah).

c. Analisis Statistik I (Mann Whitney-U)

Ujian Mann-Whitney U	N	Min	Nilai Mann Whitney-U	Z	Sig (p)
Muslim	301	293.59	33533.0	-2.548	.011
Non Muslim	254	259.52			

Jadual 4: Ke kerap an Tahap Pengetahuan Responden Mengenai Agama

Ujian Mann Whitney-U merupakan ujian bukan parametrik yang berfungsi sebagai penganalisis terhadap perbezaan antara dua sampel bebas yang variabel bersandarnya merupakan data skala ordinal (Chua Yan Piaw 2008: 93). Maka, dalam bahagian ini akan membentangkan penggunaan Mann Whitney-U dalam menguji sama ada terdapat perbezaan antara responden seramai 301 orang bagi komuniti Muslim yang diwakili oleh responden beragama Islam dengan Non Muslim terdiri daripada 254 orang responden beragama Buddha, Hindu dan Kristian.

Keputusan ujian bagi tahap pengetahuan responden mengenai asas-asas agama dominan di Malaysia adalah signifikan ($Z = -2.548$, $p = .011$). Nilai min pangkatan bagi komuniti Muslim lebih tinggi yang merekodkan jumlah 293.59 berbanding Non Muslim sebanyak 259.52. Hal ini menunjukkan bahawa responden kalangan Muslim mempunyai pengetahuan mengenai agama-agama dominan di Malaysia yang lebih tinggi berbanding komuniti bukan Muslim, namun hanya dibezakan dengan kadar 34.07 (min) sahaja.

d. Analisis Statistik II (Kruskal Wallis-H)

Ujian Kruskal Wallis-H (Etnik)	N	Min	Chi-S (X^2)	Sig (p)
Melayu	301	293.08	6.146	0.105
Cina	125	258.99		
India	101	259.41		
Lain-lain	28	267.86		

Jadual 5: Ujian Kruskal Wallis-H Berdasarkan Komposisi Etnik Terlibat

Ujian Kruskal Wallis-H merupakan suatu ujian yang digunakan dalam mendapatkan analisis perbezaan antara lebih daripada dua sampel bebas terhadap variabel bersandar (skala ordinal) sebagaimana fungsi Ujian Mann Whitney-U. Namun, ujian Mann Whitney-U juga digunakan dalam bahagian ini sebagai ujian susulan dalam mengenal pasti pasangan kategori yang manakah yang akan menyebabkan perbezaan yang signifikan secara keseluruhan (Chua Yan Piaw 2008: 173). Manakala, ujian statistik dilakukan terhadap sampel bebas mengikut komposisi etnik melibatkan empat kumpulan yang terdiri daripada Melayu (n=301), Cina (n=125), India (n=101) dan Lain-lain (n=28). Setiap unit kumpulan ini akan diuji dengan pemboleh ubah kajian di kalangan responden seramai 555 orang.

Sementara itu, bagi tahap pengetahuan responden berada pada kedudukan tidak signifikan apabila merekodkan [$\chi^2 (1, N=555) = 6.146, p = .105$], memberi makna bahawa tiada perbezaan jelas antara responden bagi setiap etnik. Selanjutnya, perbincangan terarah kepada penghuraian secara terperinci dalam mengenal pasti perbezaan yang signifikan bagi setiap kumpulan terhadap pemboleh ubah yang diuji dengan menggunakan Ujian Mann Whitney-U sebagai ujian susulan. Walaupun melihat jadual di atas secara keseluruhannya menunjukkan hubungan tidak signifikan bagi pemboleh ubah tahap pengetahuan responden mengenai agama-agama dominan di Malaysia namun terdapat satu hubungan yang signifikan, ($Z -2.067, p = .039$) antara kumpulan etnik Melayu dan Cina tatkala perbezaan antara kumpulan lain tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan. Di samping itu, jika dilihat ujian susulan pada kumpulan etnik Melayu dan India juga hampir menunjukkan perbezaan yang signifikan iaitu ($Z -1.902, p = .057$). Oleh yang demikian, meskipun terdapat hubungan yang signifikan antara etnik Melayu dengan Cina dan India namun jurang perbezaan adalah tidak begitu ketara dan hal ini menandakan tahap pengetahuan mengenai agama-agama dominan di kalangan responden bagi setiap etnik adalah seimbang.

Jadual 6: Ujian Kruskal Wallis-H Berdasarkan Negeri yang Terlibat

Ujian Kruskal Wallis-H (Negeri)	N	Min	Chi-S (X^2)	Sig (p)
Kedah	277	271.64	0.907	0.341
Selangor	278	284.33		

Perbincangan selanjutnya berkaitan dengan analisis statistik dengan menggunakan ujian Kruskal Wallis-H terhadap pemboleh ubah berdasarkan komposisi negeri. Manakala, ujian statistik dilakukan terhadap sampel bebas mengikut komposisi negeri melibatkan dua yang terdiri daripada dua buah negeri sahaja iaitu Kedah (n=277) dan Selangor (n=278).

Berdasarkan keputusan ujian untuk tahap pengetahuan responden mengenai asas-asas agama dominan di Malaysia adalah tidak signifikan [χ^2 (N=555) = 0.907, p = .341]. Nilai min pangkatan bagi komuniti Kedah lebih rendah dengan merekodkan jumlah 271.64 berbanding Selangor sebanyak 284.33. Hal ini menunjukkan bahawa responden kalangan masyarakat Kedah mempunyai pengetahuan mengenai agama-agama dominan di Malaysia lebih rendah sedikit sahaja berbanding komuniti bukan Muslim dibezakan hanya 34.07 (min pangkatan). Hal ini berkemungkinan kuat atas faktor kependudukan masyarakat Kedah hampir 80% terdiri daripada komuniti Islam berbanding kependudukan negeri Selangor yang kelihatan lebih seimbang dari sudut penduduk yang bersifat multi-agama maka mereka agak kurang terdedah mengenai asas-asas agama lain berbanding masyarakat negeri Selangor.

Perbincangan

Agama memainkan peranan unggul terhadap mana-mana individu mahupun secara kumpulan bahkan memberi impak terhadap hubungan etnik di Malaysia kerana rakyat Malaysia peka dan sensitif terhadap kemandirian agama masing-masing. Manakala, pengetahuan terhadap agama komuniti lain dapat menjadi salah satu tonik dalam menyemai tahap mentaliti yang murni serta sejahtera untuk mengelak daripada terjebaknya penyakit jahil dan tidak sensitif akan isu-isu agama yang mampu memberi gugatan terhadap perpaduan nasional. Namun, sekiranya ia tidak diberi perhatian serius oleh segenap peringkat masyarakat ianya boleh menyemarakkan sikap negatif seperti salah faham, hasutan, prejudis, dan sebagainya. Selain peranan agensi kerajaan seperti Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dan lain-lain pertubuhan memainkan peranan aktif dalam memelihara kerukunan multi-agama di Malaysia, turut digalakkan untuk diadakan sesi-sesi dialog antara agama dan etnik serta usaha-usaha mempromosikan toleransi agama sebagai langkah proaktif bagi mencegah isu-isu antara agama dan etnik menjadi kronik dan barah dari masa ke semasa.

Menurut Nigosian, S.A. (2008: 1) antara signifikansi memahami perihal agama-agama lain ialah mampu mendidik kita daripada mudah untuk menyatijahkan pra-tanggapan yang berbau perbandingan negatif, bias, prejudis dan lain-lain. Berdasarkan hasil kajian yang diperolehi di atas, jelas menunjukkan bahawa majoriti responden kajian yang mewakili bagi negeri Kedah dan Selangor adalah sangat positif meskipun nilai kekerapan pada empat soalan mencatatkan pada jumlah sederhana (3) dan rendah (1). Spekulasinya, pada tahap manakah pengetahuan mengenai agama-agama dominan atau lain-lain di Malaysia menyumbang kepada hubungan interaksi yang harmoni dan bebas daripada sebarang unsur-unsur perilaku negatif antara penduduk Malaysia yang berlainan agama?

Sementara itu, meskipun tiada perbezaan yang signifikan bagi tahap pengetahuan antara etnik dan negeri, namun terdapat perbezaan yang signifikan antara Muslim dan non-Muslim. Berdasarkan kajian yang diperolehi, kebanyakan non-Muslim tidaklah mengetahui tentang agama-agama lain selain Islam secara kompeten. Sehubungan itu, dicadangkan agar silibus pembelajaran mengenai asas-asas agama di Malaysia perlu diberi pertimbangan sewajarnya terutamanya di peringkat menengah sebagai mana modul teks Hubungan Etnik yang menjadi kursus wajib di peringkat pengajian tinggi di seluruh Malaysia. Hal ini akan memberikan suatu ruang kepada para pelajar mempunyai pengetahuan yang baik serta memberi peluang dan pendedahan dalam mengenali lebih dekat keunikan Malaysia yang memiliki masyarakat multi-agama. Cadangan murni ini adalah bertujuan sebagai satu langkah dalam usaha memupuk budaya sikap toleransi dan hormat-menghormati budaya dan praktis yang diamalkan oleh komuniti lain tanpa melibatkan sensitiviti mana-mana pihak.

Kesimpulan

Berdasarkan hasil kajian bahawa didapati beberapa perkara penting yang perlu dinyatakan dalam kajian, iaitu:

1. Tahap pengetahuan responden mengenai asas-asas agama dominan adalah tinggi.
2. Terdapat perbezaan yang signifikan antara Muslim dan Non Muslim namun kadarnya hanya jurang yang kecil sahaja.
3. Tiada perbezaan yang signifikan antara variabel etnik dan negeri, namun kelihatan terdapat sedikit jurang perbezaan yang signifikan antara etnik Melayu, India dan Cina.

Tuntasnya, hasil kajian mendapati bahawa tahap pengetahuan antara penganut-penganut agama dominan di kedua-dua negeri adalah sangat positif. Namun begitu, ia tidak bermakna penerapan dan pendidikan mengenai pengetahuan asas mengenai agama-agama di Malaysia perlu dipandang enteng. Ianya penting dalam memupuk semangat toleransi untuk mengenali dan memahami agama, budaya dan amalan antara satu sama lain. Ia perlu dihasratkan lebih jitu ke arah mendidik dan memupuk semangat toleransi agama dikalangan masyarakat Malaysia dalam membentuk keharmonian dan kesepaduan sosial masa hadapan.

Rujukan

- Abd Halim Ramli. 2009. *Hubungan Kaum di Malaysia: Sejarah dan Asas Perpaduan*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti UiTM (UPENA).
- Ahmad Shalaby. 1966. *Agama Masehi (terj. Fuad Ahmad Fakhruddin)*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Ahmad Sunawari Long. 2009. *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. UKM Bangi: Selangor.
- Amir Dawi Hassan. 2004. *Hubungan Etnik di IPT: Satu Kajian Etnografi dan Model Budaya di Kalangan Pelajar Berlainan Etnik*. Disertasi Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, UKM Bangi.
- Anon. 2010. *Taburan Penduduk dan Ciri-ciri Asas Demografi: Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia*, Jabatan Perangkaan Malaysia 2010. http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=1215&lang=bm. Diakses pada 10 Jan 2013.
- Berita Harian. 2007. 'Beri Perhatian Isu Agama, Perkauman'. 7 Oktober.
- Bryman, Alan. 2001. *Social Research Method*. Oxford: Oxford University Press.
- Chandra Muzaffar. 2011. *Exploring Religion in Our Time*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Charing, Douglas, Cole, W. Owen, El-Droubie, Riadh, Pancholi, Nila, Sambhi, Piarra Singh. 1982. *Comparative Religions: A Modern Textbook*. UK: Blanford Press.
- Chua Yan Piaw. 2008. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan (Asas Statistik Penyelidikan: Analisis Data Skala Ordinal dan Skala Nominal)*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Fishcer, Mary Pat. 2008. *Living Religions (7th ed.)*. New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- Gwynne, Paul. 2009. *World Religions in Practice: A Comparative Introduction*. USA: Blackwell Publishing.
- Murray, Jane Lothian, Linden, Rick & Kendall, Diana. 2008. *Sociology in Our Times: The Essentials (5th Canadian ed.)*. Kanada: Nelson Education Ltd.
- K Sri Dhamananda. 1988. *Agama Dalam Masyarakat yang Multi-Religius*. Kuala Lumpur: Buddhist Missionary Society.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. 1970. *Determining Sample Size for Research Activities Educational and Psychological Measurement*, SAGE Journals 30, 21 September. 607-610.
- Mansor Mohd Noor. 2005. *Integrasi Etnik di IPTA*. Pulau Pinang: Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara.
- Matthews, Warren. 1999. *World Religions (3rd ed.)*. Canada: Wadsworth Publishing Company.
- <http://jkob.cseap.edu.my/index.php/journal/full/edisi-khas-2-5.pdf>

- Mohd. Rosmizi Abd Rahman, Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, Marina Munira Abdul Mutalib. 2011. *Agama-agama di Dunia*. Nilai: Penerbit USIM.
- Nigosian, S. A. 2008. *World Religions: A Historical Approach (4th ed.)*. New York: Bedford/St. Martin's.
- Osman Bakar. 2006. *Dialog Antara Agama di Malaysia: Satu Pertimbangan*. Kertas ini dibentangkan dalam syarahan umum di *Majlis Syarahan & Diskusi anjuran IKD-KAF* anjuran Institut Kajian Dasar di Petaling Jaya pada 15hb Disember 2006.
- Robertson, Ian. 1987. *Sociology (3rd. ed)*. New York: Worth Publishers, Inc.
- Sekaran, Uma. 2003. *Research Methods for Bussiness (4th ed.): A Skill-Building Approach*. New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Shamsul Amri Baharuddin (pnyt). 2007. *Modul Hubungan Etnik*. Shah Alam: UPENA.
- Smart, Ninian. 1993. *Religions of Asia*. New Jersey: Prentice Hall.
- Yousif, Ahmad F. 2011. *Religious Freedom Minorities and Islam: An Inquiry into the Malaysian Experience (2nd ed.)*. Batu Caves: IIUM Press.
- Zaid Ahmad (editor), Ruslan Zainuddin, Ho Hui Ling, Ku Halim Ku Arifin, Lee Yok Fee, Najeemah Mohd Yusof, Sarjit Singh Gill, Ahmad Tarmizi Talib dan Nazri Muslim. 2010. *Buku Teks Hubungan Etnik di Malaysia (2nd ed.)*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.